

Strategi Peningkatan Motivasi Kerja dalam Kalangan Pensyarah: Satu Kajian di Fakulti Pengajian Islam, Ukm

Kod Projek: UKM-PTS-063-2010

*Salasiah Hanin Hamjah (Ketua Projek), A'dawiyah Ismail, Fariza Md. Sham,
Rosmariza Mohamad Rasit & Zainab Ismail*

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Motivasi merupakan perkara penting dalam kerjaya pensyarah. Tanpa motivasi kerja yang tinggi adalah sukar bagi seorang pensyarah untuk mencapai kepuasan dalam kerjaya mereka. Ia juga menyukarkan pensyarah tersebut untuk memenuhi keperluan universiti seperti melahirkan ahli akademik yang berinovasi, aktif dalam penyelidikan, berdedikasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mampu bersaing ke persada antarabangsa bagi memartabatkan keilmuannya dalam bidang akademik. Motivasi penting kerana dalam dunia kerjaya seorang pensyarah, banyak cabaran terpaksa ditempuhi. Cabaran ini kadangkala berjaya dilalui dengan mudah tetapi ada kalanya amat sukar diatasi sehingga menyebabkan pensyarah kurang ketekunan bekerja. Motivasi amat penting pada ketika ini kerana motivasi diibaratkan sebagai pemangkin untuk pembangunan diri secara spiritual bagi merealisasikan cita-cita dan harapan yang dibina. Justeru itu, motivasi perlu dipupuk, ia tidak datang dengan sendiri. Memupuk motivasi secara berterusan akan menjadikan motivasi kerja semakin meningkat dan akhirnya menjadikan pekerjaan sesuatu yang bermakna dalam kehidupan (Friedlander 1966). Motivasi kerja juga penting untuk membentuk sikap positif dan peningkatan prestasi dalam kerjaya (Hung-Wen Lee & Ching-Hsiang Liu 2009; Wijono 1997).

Persoalannya ialah apakah faktor yang boleh meningkatkan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah? Adakah faktor gaji, peluang penyelidikan yang diberikan, kenaikan pangkat dan sebagainya mempengaruhi motivasi pensyarah di Fakulti Pengajian Islam? Apakah masalah yang wujud sehingga menyebabkan pensyarah kurang motivasi bekerja malah bekerja sekadar cukup makan sahaja? Justeru itu kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor meningkatnya motivasi kerja dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, mengenalpasti masalah yang dihadapi pensyarah bagi meningkatkan motivasi kerja dan mengemukakan cadangan strategi peningkatan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam. Hasil kajian iaitu strategi peningkatan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah diharapkan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pensyarah Fakulti Pengajian Islam tetapi juga kepada pihak pentadbir universiti dan juga kepada fakulti sendiri bagi mempertingkatkan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah yang merupakan aset penting bagi sesebuah institusi pendidikan seperti UKM.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui faktor-faktor yang meningkatkan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam.
2. Mengetahui masalah yang dihadapi pensyarah bagi meningkatkan motivasi kerja.
3. Mengemukakan cadangan strategi meningkatkan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam.

METODE KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian ini memilih seramai 37 orang pensyarah daripada jumlah keseluruhan populasi seramai 108 orang pensyarah di Fakulti Pengajian Islam. Kaedah pemilihan sampel dilakukan secara *convenience*. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi empat bahagian. Bahagian A mengenai latar belakang responden, Bahagian B mengenai latar belakang keluarga, Bahagian C, D dan E mengenai masalah yang dihadapi bagi meningkatkan motivasi kerja serta Bahagian F mengenai kaedah yang membantu meningkatkan motivasi kerja dalam kalangan pensyarah Fakulti Pengajian Islam.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian tentang motivasi kerja telah banyak dilakukan di dalam atau di luar negara antaranya Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996) yang mengkaji tentang aspek *Motivasi dalam pendidikan*. Selain itu, Wijono, Sutarto (1997) mengkaji mengenai hubungan di antara motivasi kerja dan personaliti dengan prestasi kerja di sebuah organisasi. Kon, Siang Boon (1989) pula mengkaji tentang peranan ganjaran-ganjaran yang ditawarkan oleh organisasi dalam mempengaruhi motivasi kerja. Manakala Koh, Joo Siang (1990) mengkaji mengenai *hubungan persepsi pekerja terhadap faktor pekerjaan dengan motivasi kerja: tinjauan dari segi faktor penghormatan sosial dan ganjaran gaji*. Joyce, Ellen Ragavan (1993) pula meneliti aspek *hubungan di antara kepuasan terhadap penilaian prestasi dengan motivasi kerja dan kepuasan kerja di kalangan pekerja sebuah organisasi*. Selain itu kajian di luar negara juga ada yang mengkaji aspek motivasi kerja antaranya Andreassen, Cecilie Schou; Ursin, Holger; Eriksen, Hege R.(2007) yang bertajuk "*The relationship between strong motivation to work, "workaholism", and health*", Wegge, Jürgen; van Dick, Rolf; Fisher, Gary K.; Wecking, Christiane; Moltzen, Kai. (2006) *Work motivation, organisational identification, and well-being in call centre work*, Hung-Wen Lee; Ching-Hsiang Liu (2009) *The Relationship Among Achievement Motivation, Psychological Contract And Work Attitudes*.

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Penerbitan

1. Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail, Fariza Md Sham & Adawiyah Ismail. 2012. Strategies to Enhance Work Motivation among Lecturers of the Faculty of Islamic Studies, Journal Research of Applied Sciences (SCOPUS)-accepted for publication, dalam proses penerbitan.

2. Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit & Fariza Md. Sham. 2012. Role Of Spiritual Aspect In The Learning Process of Islamic Studies Student. Journal Research of Applied Sciences (SCOPUS)- accepted for publication, dalam proses penerbitan.
3. Salasiah Hanin Hamjah (Dr.), Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail (Prof. Madya Dr.), Fariza Md Sham (Prof. Madya Dr.) & ‘Adawiyah Ismail (Dr.). 2012. *Ibadah Sebagai Faktor Motivasi Kerja dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam*. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Ideris Endot (pnyt.) *Pembangunan Dakwah Semasa*. Hlm. 85-93. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM
4. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit & Ermy Azziaty Rozali. 2011. Methods of Increasing Learning Motivation among Students, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Elsevier. volume 18, pages: 138-147 (Scopus / ISI)

Persidangan /Bengkel

1. Salasiah Hanin Hamjah (Dr.), Zainab Ismail (Prof. Madya. Dr), Fariza Md. Sham (Prof. Madya. Dr.) & A’dawiyah Ismail. 2011. *Ibadah Sebagai Faktor Motivasi Kerja Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam*, UKM. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar On Da’wah (ISOD). Pada 8-10 Julai 2011. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Kumpulan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam & IKRAB. Di Universitas Negeri Jakarta, Indonesia.
2. Salasiah Hanin Hamjah (Dr.) & Roshimah Shamsudin (Dr.) 2011. *Pengurusan Emosi Wanita Bekerjaya Daripada Perspektif Al-Sunnah*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Conference on Humanities pada 14-16 Jun 2011. Anjuran Fakulti Kemanusiaan USM, Pulau Pinang di Parkroyal Penang Resort.
3. Salasiah Hanin Hamjah (Dr.), Zainab Ismail (Prof. Madya. Dr), Fariza Md. Sham (Prof. Madya. Dr.), Rosmawati Mohamad Rasit & A’dawiyah Ismail (Dr.). 2011. *Strategi Meningkatkan Motivasi Kerja Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Pembelajaran UKM, Anjuran Pusat Pembangunan Akademik, UKM. Pada 18-20 Disember 2011 di Vistana Hotel, Pulau Pinang.
4. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. *Kaedah Peningkatan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam*, UKM, Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Pembelajaran UKM 2010. 12- 15 Disember 2010. Di Melaka, Everly Resort. Anjuran Pusat Pembangunan Akademik, UKM.
5. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. *Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam*, UKM. Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan & Penerbitan FPI. Anjuran FPI, 6 Disember 2010, Hotel Equatorial, Bangi. ISBN 978-967-5478-35-2, Hlm.180.

6. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit. 2010. *Faktor Peningkatan Motivasi Belajar Dalam kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM*, Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam, Anjuran Kumpulan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam dengan kerjasama Jabatan Peng. Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. 23-24 November 2010, Puri Pujangga.
7. Salasiah Hanin Hamjah & Adawiyah Ismail. Kaedah Mengatasi Tekanan dalam Kalangan Wanita Bekerjaya menurut al-Ghazali. Kertas kerja dibentangkan dalam Bicara Dakwah kali ke 12, Anjuran Jabatan Peng. Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, KM. 13 Mac 2012. Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM

Modal Insan

1. 2 orang Pembantu Penyelidik ; Mohd. Yusof Abdul Jalal (IC:861008-56-6485) dan Nurhidayat Mushaimi (IC:860516-43-6180)
2. Seorang pelajar ijazah sarjana Muda, Roziawati Ibrahim. 2010. Pengurusan Motivasi Belajar dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Seorang pelajar ijazah sarjana Muda, Noor Hazwani Mohd Azmi. 2012. Motivasi Kerja dalam kalangan Pensyarah Wanita di Fakulti Pengajian Islam, UKM, *on going process*

KESIMPULAN

Kajian ini menyumbang kepada kaedah yang boleh dilakukan oleh pensyarah khususnya pensyarah di Fakulti Pengajian Islam bagi meningkatkan motivasi kerja antaranya melalui kaedah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, mewujudkan persekitaran kerja yang baik, mengukuhkan spiritual dan menjaga kesihatan. Ia juga bermanfaat kepada pihak fakulti untuk mengambil perhatian terhadap keperluan pensyarah terutama dari sudut fasiliti dan kemudahan mendapatkan dana penyelidikan bagi meningkatkan motivasi kerja pensyarah.

PENCAPAIAN

Pemenang Anugerah PINGAT PERAK dalam PERTANDINGAN POSTER PENYELIDIKAN, Anjuran: Kumpulan Penyelidikan Dakwah Kerohanian dan Pembangunan Islam (UKM-OUP-CMNB-09-37/2011) pada 14 Disember 2011.